



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Pengajian Am (900)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 47,350 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 56.82% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	4.52	3.96	8.53	9.31	10.87	8.14	11.49	8.44	11.30	6.63	16.81

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	C	6	D	11	B
2	A	7	B	12	A
3	C	8	B	13	D
4	C	9	B	14	C
5	C	10	C	15	C

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A pada semester ini berada pada tahap sederhana. Analisis jawapan calon menunjukkan bahawa aras kesukaran soalan aneka pilihan adalah sederhana. Hal ini dikatakan demikian kerana peratusan calon yang menjawab soalan dengan betul berada dalam lingkungan 30% hingga 60% bagi kebanyakan soalan.

BAHAGIAN B DAN C: *Struktur dan Esei*

Komen am

Secara keseluruhan, prestasi calon adalah sederhana dengan mutu jawapan yang berbeza-beza. Soalan 16, 17, dan 19 dapat dijawab dengan baik oleh majoriti calon, malah sebahagiannya memperoleh markah penuh. Walau bagaimanapun, pencapaian calon dalam soalan 18 dan 20 kurang memuaskan kerana calon gagal memahami kehendak tugas serta tidak menguasai konsep yang berkaitan, khususnya aspek cabaran, perpaduan, dan teknologi digital dalam konteks penjawat awam.

Bagi soalan 21 dan 22, calon berupaya mengemukakan idea yang hampir tepat, namun huraian yang diberikan kurang mantap, berulang, dan tidak relevan. Dari segi bahasa, kelemahan ketara masih wujud, terutamanya dalam penggunaan struktur ayat, penanda wacana, imbuhan, dan kata sendi. Terdapat juga penggunaan bahasa pasar yang menjejaskan kualiti jawapan.

Selain itu, ramai calon tidak membuat perancangan penulisan sebelum menjawab soalan. Hal ini menyebabkan esei yang dihasilkan tidak tersusun, idea bertindan, kabur serta tidak memenuhi kehendak soalan. Sebilangan calon menulis esei di bawah had minimum perkataan yang ditetapkan.

Kesimpulannya, kelemahan utama calon ialah kegagalan menguasai kemahiran menghuraikan idea dengan mantap, kekurangan pengetahuan tambahan, dan kelemahan dalam perancangan penulisan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Soalan Struktur

Soalan 16

Soalan ini menuntut calon menyatakan tiga cara Perlembagaan Persekutuan dipinda.

Kata kunci soalan ini ialah cara Perlembagaan Persekutuan dipinda. Calon hanya perlu menyenaraikan tiga (3) idea, iaitu:

1. Memerlukan kelulusan/majoriti dua pertiga ahli Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak.
2. Memerlukan kelulusan/majoriti dua pertiga ahli Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) dengan perkenan Majlis Raja-Raja.
3. Memerlukan kelulusan/majoriti dua pertiga ahli Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara).
4. Memerlukan kelulusan/majoriti mudah ahli Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara).

Calon secara umumnya dapat mengemukakan jawapan yang tepat, khususnya yang berkaitan dengan pindaan yang memerlukan perkenan Majlis Raja-Raja dan sokongan majoriti dua pertiga Parlimen. Calon juga berjaya mengingat dan menulis semula cara pindaan Perlembagaan dengan jelas. Soalan ini memberikan peluang kepada calon memperoleh sebahagian markah, malah terdapat calon yang berjaya mendapat markah penuh.

Walau bagaimanapun, kelemahan calon masih ketara. Sebahagian calon kurang mengingat cara pindaan Perlembagaan Persekutuan dengan tepat. Terdapat calon yang memberikan jawapan tidak lengkap atau kurang jelas seperti menulis pecahan $\frac{1}{5}$, $\frac{2}{5}$ tanpa huraian lanjut. Ada juga calon memberikan jawapan tidak lengkap, seperti mendapat sokongan daripada ahli Majlis Parlimen atau mendapat sokongan Majlis Raja-Raja.

Selain itu, terdapat jawapan yang tidak relevan, seperti pengisytiharan darurat serta jawapan yang salah seperti sokongan majoriti $\frac{2}{3}$ mudah dan sokongan mudah Parlimen. Sebilangan calon pula memberikan lebih daripada tiga jawapan walaupun soalan hanya menuntut tiga jawapan, dan terdapat juga calon yang langsung tidak menjawab soalan.

Prestasi calon menunjukkan bahawa sebahagian besar calon memahami tugas, namun masih terdapat kelemahan dalam mengingat fakta dengan tepat serta kecenderungan memberikan jawapan yang tidak relevan.

Soalan 17

Soalan ini menuntut calon menyatakan empat manfaat yang diperoleh oleh rakyat melalui pengamalan sistem demokrasi di Malaysia.

Kata kunci soalan ini ialah manfaat yang diperoleh oleh rakyat melalui pengamalan sistem demokrasi. Antara jawapan yang boleh diterima termasuklah:

- Rakyat hidup bersatu padu.
- Rakyat mengamalkan ketertiban.
- Rakyat menikmati kestabilan politik.
- Rakyat dapat berpolitik atau berpersatuan.
- Rakyat hidup harmoni dan seimbang.
- Rakyat didorong untuk berperanan aktif.
- Rakyat mendapat perlindungan hak asasi.
- Rakyat dapat menentukan hala tuju politik negara.
- Rakyat melahirkan taat setia kepada negara dan raja.
- Rakyat dapat bersuara serta mengemukakan pandangan.
- Rakyat dapat mencegah konflik dan perselisihan faham.
- Rakyat hidup dalam keadaan aman, selamat, dan sejahtera.
- Rakyat bebas memilih pemimpin melalui pilihan raya.
- Rakyat dapat melibatkan diri dalam proses pilihan raya.
- Rakyat mempunyai kebertanggungjawaban terhadap negara.
- Rakyat dapat menentukan pemerintah yang bertanggungjawab.
- Rakyat menikmati hak yang sama rata, kesetaraan, dan keadilan.
- Rakyat terlibat dalam membentuk kerajaan atau corak pemerintahan.
- Rakyat bebas dipilih atau mencalonkan diri untuk pilihan raya.
- Rakyat dapat mengekalkan atau menukar kerajaan sedia ada melalui pilihan raya.

Kebanyakan calon dapat mengemukakan beberapa idea yang tepat, seperti manfaat perpaduan, perlindungan hak asasi, kebebasan bersuara, kebebasan memilih pemimpin serta menikmati kesamarataan hak. Selain itu, ramai calon berjaya mengaitkan manfaat dengan hak asasi rakyat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, kelemahan calon yang paling ketara ialah kegagalan mengemukakan idea yang relevan dengan kehendak soalan. Terdapat calon yang memberikan jawapan berbentuk peranan kerajaan, seperti pentadbiran yang cekap dan pemerintahan yang adil, yang tidak diterima sebagai manfaat rakyat. Ada juga calon yang menulis jawapan kabur, seperti kebebasan diri terjamin, tanpa mengaitkannya secara langsung dengan sistem demokrasi. Sebahagian kecil calon pula langsung tidak menjawab soalan ini.

Prestasi calon menunjukkan sebahagian besar calon dapat mengemukakan jawapan asas yang tepat, namun masih terdapat kelemahan dalam memahami konteks soalan sehingga menghasilkan jawapan yang tidak relevan.

Soalan 18

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan empat bidang kuasa Ketua Negeri yang diamalkan di Malaysia.

Kata kunci soalan ini ialah bidang kuasa Ketua Negeri. Antara cadangan jawapan ialah:

- Menganugerahkan bintang kehormat
- Mempunyai kuasa pemerintahan/eksekutif negeri
- Meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja
- Melantik Menteri Besar/Ketua Menteri/Premier Sarawak
- Membuat peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana
- Membuka/merasmikan mesyuarat Dewan Undangan Negeri
- Memperkenan/meluluskan persaraan pegawai-pegawai negeri
- Menjadi ketua agama Islam bagi negeri beraja/adat istiadat orang Melayu
- Memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dari semasa ke semasa
- Mempersetujui atau tidak mempersetujui pembubaran Dewan Undangan Negeri
- Melantik waris, Permaisuri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja
- Mengampunkan pesalah yang dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Syariah
- Mengampunkan pesalah yang dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Sivil/Awam
- Melantik ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/Kabinet Sabah/Majlis Tertinggi Sarawak
- Memperkenankan atau meluluskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri

Sebahagian calon dapat mengemukakan jawapan dengan tepat. Calon berkenaan memahami kehendak soalan dengan baik. Terdapat juga sebilangan kecil calon yang berjaya memperoleh antara dua hingga tiga markah bagi soalan ini.

Walau bagaimanapun, kelemahan paling ketara ialah calon gagal mengenal pasti siapakah yang dimaksudkan dengan Ketua Negeri. Ramai calon beranggapan bahawa Ketua Negeri merujuk Menteri Besar, Ketua Menteri, Premier Sarawak, Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong. Kesalahan tafsiran ini menyebabkan jawapan yang dikemukakan tidak menepati kehendak soalan. Antara jawapan yang tidak relevan termasuklah “mengetuai Parlimen”, “mengutip hasil cukai”, “melaksanakan dasar”, dan “menguruskan pentadbiran negeri”. Selain itu, terdapat juga calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Hal ini mungkin berpunca daripada kegagalan menguasai topik yang dikemukakan.

Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan empat kepentingan amalan integriti dalam tadbir urus negara.

Kata kunci soalan ini ialah kepentingan amalan integriti dalam tadbir urus negara. Antara cadangan jawapan ialah:

- Mengurangkan kesilapan
- Mengatasi kerenah birokrasi
- Memelihara kedaulatan negara
- Mengelakkan perbuatan rasuah
- Meningkatkan daya saing negara

- Membendung ketidakadilan sosial
- Mengukuhkan keselamatan negara
- Melancarkan pembangunan negara
- Mengutamakan kepuasan pelanggan
- Mencapai kesetiaan yang lebih tinggi
- Membentuk budaya kerja yang positif
- Menghindarkan penyalahgunaan kuasa
- Menambah sumber pendapatan negara
- Mengelakkan kelewatan penyiapan tugas
- Memacu pertumbuhan ekonomi/pelaburan
- Memberikan keadilan kepada semua pelanggan
- Membendung ketirisan kos/pembaziran wang
- Meningkatkan imej perkhidmatan awam/negara
- Menjamin kualiti perkhidmatan awam yang tinggi
- Meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan awam
- Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan awam

Secara umumnya, calon dapat mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan. Antara idea yang berjaya dikemukakan dengan baik ialah mengatasi kerenah birokrasi, mengelakkan perbuatan rasuah, menghindarkan penyalahgunaan kuasa, memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan imej negara, dan meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan awam. Hal ini membuktikan bahawa sebahagian besar calon memahami dan menguasai konsep integriti dalam tadbir urus negara.

Namun demikian, kelemahan yang paling jelas ialah terdapat calon yang tidak menguasai topik dengan baik. Sesetengah jawapan yang dikemukakan tidak relevan atau tidak lengkap seperti “meningkatkan kecekapan”, “menjamin kestabilan politik negara”, dan “prosedur kerja yang jelas”. Beberapa orang calon juga langsung tidak menjawab soalan ini, mungkin disebabkan kurang penguasaan terhadap topik atau gagal memahami fokus kehendak soalan.

BAHAGIAN C: Soalan Esei

Soalan 20

Soalan ini menghendaki calon menulis esei bertajuk “faedah diperoleh kesan penyelarasan agensi kerajaan yang menjalankan bidang tugas yang sama”.

Antara cadangan jawapan ialah:

- Punca kuasa tugas yang jelas
- Meningkatkan kecekapan
- Produktiviti kerja meningkat
- Meningkatkan kepuasan pelanggan
- Pemantauan mudah dijalankan
- Kerenah birokrasi dikurangkan
- Menjimatkan perbelanjaan/kos kerajaan
- Tenaga kerja digunakan secara cekap

- Kurang persaingan antara agensi berkaitan
- Mengoptimumkan penggunaan sumber
- Melancarkan pentadbiran/pembangunan negara

Hanya calon yang benar-benar memahami fokus isu soalan dapat mengemukakan jawapan yang tepat. Antara idea yang berjaya dikemukakan termasuklah meningkatkan kecekapan, mengurangkan kerenah birokrasi, dan melancarkan pembangunan negara. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian kecil calon menguasai isu dengan baik dan berjaya memperoleh markah penuh bagi idea yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, ramai calon tidak menguasai isu soalan dengan jelas. Kebanyakan calon gagal mengenal pasti peranan agensi kerajaan yang menjalankan bidang tugas yang sama. Akibatnya, idea yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak relevan. Sebagai contoh idea yang dikemukakan oleh calon ialah “mengelak pertindihan kuasa”, “menjimatkan kos”, dan “memudahkan pengurusan”. Selain itu, kelemahan lain yang dikenal pasti ialah dari aspek struktur bahasa dan tanda baca yang masih lemah dalam penulisan esei calon.

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menulis esei bertajuk “rakyat dan kerajaan masing-masing berperanan menjaga kestabilan politik negara melalui pelbagai usaha”. Kombinasi jawapan ialah 3+2 atau 2+3.

Antara cadangan jawapan ialah:

Peranan Rakyat:

- Mengeratkan perpaduan
- Menghayati Rukun Negara
- Mematuhi undang-undang negara
- Mengutamakan kepentingan negara
- Tidak taksud kepada parti atau pemimpin politik
- Mengamalkan nilai-nilai murni, moral, dan agama
- Menghormati Perlembagaan Persekutuan

Peranan Kerajaan:

- Menjaga kebajikan rakyat
- Melaksanakan tadbir urus baik
- Merapatkan jurang ekonomi rakyat
- Menggubal dan menguatkuasakan undang-undang negara
- Membentuk dan melaksanakan dasar-dasar negara
- Bertanggungjawab memenuhi harapan dan aspirasi rakyat

Soalan ini menjadi salah satu esei yang paling banyak dipilih oleh calon dalam peperiksaan kali ini. Sebahagian besar calon dapat menyenaraikan dua hingga tiga idea dengan baik, sekali gus menunjukkan kefahaman yang jelas terhadap fokus soalan. Antara idea yang berjaya dikemukakan termasuklah peranan rakyat, seperti mengeratkan perpaduan, mematuhi undang-undang, menghormati Perlembagaan, dan peranan kerajaan seperti menggubal undang-undang. Terdapat juga calon yang dapat mengemukakan jawapan yang lebih mantap kerana memahami isu soalan dengan baik.

Walaupun bagaimanapun, kelemahan yang ketara ialah sebahagian calon gagal mentafsir fokus soalan yang menuntut kedua-dua peranan, iaitu peranan rakyat dan kerajaan. Ada calon yang hanya menekankan satu pihak sahaja, misalnya hanya membincangkan peranan rakyat atau hanya membincangkan peranan kerajaan. Selain itu, terdapat juga calon yang menyeleweng daripada tajuk dengan membincangkan kesan ketidakstabilan politik atau kesalahan ahli politik, seperti rasuah. Contoh jawapan tidak relevan yang popular termasuklah “kerajaan perlu mengadakan kempen kesedaran” dan “kerajaan perlu menjalin hubungan diplomatik dengan negara luar”. Kelemahan lain yang dikenal pasti dari aspek struktur bahasa dan tanda baca yang kurang tepat.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menulis esei “semakin ramai graduan menceburi bidang perniagaan atas banyak sebab dan digalakkan lagi dengan pelbagai inisiatif kerajaan”. Calon perlu menyenaraikan sebab dan inisiatif. Kombinasi jawapan ialah 3+2 atau 2+3. Antara cadangan jawapan ialah:

Sebab Graduan Menceburi Bidang Perniagaan:

- Masa yang fleksibel
- Peluang pekerjaan terhad
- Pengaruh tokoh usahawan
- Galakan daripada keluarga
- Sokongan atau galakan kerajaan
- Meminati bidang perniagaan
- Sokongan daripada rakan niaga
- Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi
- Peluang memperoleh pendapatan yang tinggi
- Kos permulaan yang rendah

Inisiatif Kerajaan:

- Insentif perniagaan
- Memberikan kursus atau latihan
- Menyediakan khidmat nasihat
- Menyediakan skim, dana, modal atau bantuan kewangan

Soalan ini merupakan antara soalan yang paling banyak dipilih oleh calon. Hal ini sangat relevan dengan situasi semasa, khususnya perkembangan pesat bidang perniagaan dalam talian selepas pandemik COVID-19. Majoriti calon berjaya mengemukakan dua hingga empat idea dengan baik. Antara idea yang kerap dikemukakan ialah peluang pekerjaan terhad, galakan daripada keluarga, minat dalam bidang perniagaan, peluang memperoleh pendapatan tinggi dan bantuan kerajaan dalam bentuk dana. Secara keseluruhannya, calon menunjukkan penguasaan yang baik terhadap isu ini.

Walaupun begitu, terdapat kelemahan yang ketara, iaitu ramai calon tidak mempunyai pengetahuan yang jelas tentang inisiatif kerajaan kepada graduan. Kesilapan lain ialah calon tidak menepati kombinasi jawapan dengan hanya menumpukan sebab graduan menceburi perniagaan tanpa menyentuh inisiatif kerajaan. Antara jawapan yang tidak relevan termasuklah “kerajaan memberikan biasiswa kepada graduan”, “graduan terpengaruh dengan pempengaruh yang menjual produk”, dan “kerajaan menambah bidang kursus pengajian perniagaan di universiti”. Selain itu, kelemahan lain yang dikenal pasti ialah aspek bahasa dan tanda baca yang masih kurang tepat.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 42,299 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 56.79% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	5.33	6.58	10.70	14.19	5.19	0.20	4.60	9.26	7.90	6.97	19.09

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon berada pada tahap baik dan sederhana. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan Bahagian A, namun sebahagian daripadanya gagal mengemukakan idea seperti yang dikehendaki dalam skema jawapan. Walau bagaimanapun, calon masih berjaya memperoleh markah bagi soalan 1, soalan 2, dan soalan 3.

Bagi Bahagian B, kebanyakan calon menunjukkan prestasi yang baik. Namun begitu, masih terdapat calon yang gagal memperoleh markah yang tinggi kerana melakukan kesilapan dari segi teknikal, seperti tidak melabelkan paksi, tidak menyatakan unit Ringgit Malaysia, tidak menulis label tahun, tiada label pada paksi X, atau memberikan tajuk yang salah. Kesilapan teknikal ini menyebabkan calon hanya mampu memperoleh markah maksimum 11 atau 14 sahaja.

Bahagian C pula memperlihatkan bahawa calon dapat menjawab soalan yang menepati skema jawapan. Hanya segelintir calon yang mengemukakan idea yang tidak menepati skema atau menyeleweng daripada kehendak soalan. Bagi soalan 7, kebanyakan calon berjaya memberikan jawapan yang menepati kehendak soalan, manakala bagi soalan 8 pula, calon dapat mengemukakan idea yang relevan. Secara umum, mutu jawapan calon dalam Bahagian C juga berada pada tahap baik dan sederhana. Hanya sebahagian kecil calon yang menulis esei melebihi 350 patah perkataan dan tidak menulis penutup.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Soalan Struktur

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat kepentingan agama dan kepercayaan untuk membina masyarakat sejahtera. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Membina jati diri
- Membentuk disiplin

- Memupuk silatur rahim
- Menjadi panduan hidup
- Memupuk sikap toleransi
- Menjadi sumber inspirasi
- Memelihara tradisi/budaya
- Menjadi alat kawalan sosial
- Menjadi sumber ketenangan
- Membentuk keluarga bahagia
- Mengelak tingkah laku negatif
- Mewujudkan kesejahteraan sosial
- Menjadi sumber ilmu pengetahuan
- Membentuk peribadi mulia/nilai murni
- Membentuk masyarakat yang bersatu padu
- Membentuk kepimpinan

Majoriti calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya satu idea yang tepat dengan skema jawapan. Hal ini menunjukkan bahawa calon menguasai topik soalan dengan baik. Sebahagian besar calon berjaya memperoleh markah yang baik dengan memberikan idea, seperti membina jati diri, memupuk sikap toleransi, membentuk peribadi mulia, serta membentuk masyarakat yang bersatu padu.

Walau bagaimanapun, masih terdapat calon yang gagal mengenal pasti idea lain yang relevan dengan kehendak soalan. Sebahagian calon kurang memahami aspek membina masyarakat sejahtera lalu mengemukakan jawapan berbentuk kepentingan kepada negara, seperti “memajukan negara” dan “meningkatkan imej negara”. Terdapat juga calon memberikan jawapan yang kurang relevan, seperti “dapat bezakan baik dan buruk” serta “kurangkan kadar jenayah”.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan dua kepentingan penghayatan prinsip Rukun Negara. Format jawapan menuntut calon memberikan idea berserta dengan huraian. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Mengukuhkan perpaduan rakyat
- Membentuk semangat patriotik
- Membentuk moral/etika
- Menghormati perlembagaan negara
- Mengukuhkan jati diri
- Mematuhi undang-undang
- Membentuk sikap liberal terhadap kepelbagaian budaya
- Menghormati institusi raja-raja
- Memperkukuh pegangan agama/prinsip hidup
- Mengutamakan kepentingan negara
- Menghormati identiti/lambang negara

Calon secara umumnya dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon berjaya mengemukakan idea yang tepat, seperti mengukuhkan perpaduan rakyat, membentuk semangat patriotik, membentuk moral, menghormati Perlembagaan negara, dan mematuhi undang-undang.

Walau bagaimanapun, terdapat calon yang hanya memberikan jawapan berbentuk prinsip atau objektif Rukun Negara, seperti “setia pada raja dan negara”, “melahirkan masyarakat adil” serta “mewujudkan masyarakat demokratik”. Selain itu, kelemahan yang ketara ialah calon gagal menghuraikan idea dengan tepat seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan tiga ciri yang perlu dikuasai oleh murid untuk bersaing pada peringkat global berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Pengetahuan
- Identiti nasional
- Kemahiran berfikir
- Etika dan kerohanian
- Kemahiran dwibahasa
- Kemahiran memimpin

Sebahagian kecil calon berjaya mengemukakan idea yang tepat, seperti pengetahuan, identiti nasional, kemahiran berfikir, kemahiran dwibahasa, dan kemahiran memimpin.

Namun begitu, ramai calon gagal mengemukakan idea dengan tepat. Hal ini menggambarkan bahawa calon kurang menguasai fakta dan gagal menghafal isi penting. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan tidak tepat, seperti “kemahiran ICT”, “menguasai pelbagai bahasa”, dan “kreatif”.

Soalan 4

Soalan ini menuntut calon menjelaskan dua strategi Dasar Pembangunan Belia Negara dengan memberikan idea dan huraian. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Pembangunan ilmu
- Pembentukan sikap
- Pembangunan kemahiran dan keusahawanan
- Pemupukan gaya hidup sihat
- Kemudahan interaksi sosial
- Perkongsian dalam pembangunan
- Jaringan hubungan antarabangsa

Hanya segelintir calon berjaya memperoleh markah untuk soalan ini dengan mengemukakan strategi yang tepat.

Kebanyakan calon gagal menjawab soalan dengan tepat, malah terdapat calon yang langsung tidak menjawab soalan. Jawapan yang diberikan menunjukkan calon tidak menguasai fakta yang berkaitan dengan dasar ini. Ada calon yang memberikan idea tidak relevan, seperti “meningkatkan latihan dan kursus”, “memberi bantuan modal”, dan “memberi insentif”.

BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon melukis graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan penerima bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) mengikut negeri dan aliran purata nilai elaun yang diterima dari tahun 2017 hingga tahun 2019 di Malaysia. Jawapan yang betul ialah graf gabungan (bar kompaun + satu garis).

Ramai calon berjaya mengenal pasti media dengan tepat serta mampu menyiapkan jadual dan graf dengan baik.

Namun begitu, sebahagian kecil calon gagal memilih media yang sesuai. Mereka membina graf bar kompaun dengan satu garis tetapi tiada paksi, garis atau petunjuk garis. Ada calon yang melukis graf bar komponen atau tiga garis dalam graf gabungan. Kebanyakan calon juga gagal mencari nilai purata untuk graf garis. Selain itu, kesalahan teknikal yang dilakukan termasuk tajuk tidak lengkap atau salah, label paksi tidak lengkap atau tiada, unit tidak dinyatakan pada paksi, label tahun tertinggal, nilai pada paksi salah, tiada petunjuk, serta aplikasi graf yang salah. Sebahagian calon juga mengabaikan aspek pewarnaan yang sistematik dan menggunakan lorekan sebagai ganti teknik mewarna.

Soalan 6

Soalan ini memerlukan calon melukis graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan penumpang dalam negara dan antarabangsa mengikut kategori penumpang di lapangan terbang terpilih di Malaysia pada tahun 2018. Jawapan yang betul ialah graf piramid kompaun.

Ramai calon berjaya mengenal pasti media dengan tepat serta mampu menyiapkan jadual dan graf.

Namun begitu, tidak ramai calon menjawab soalan ini. Ada yang gagal mengenal pasti media sesuai kerana tidak memahami keperluan perbandingan antara penumpang dalam negara dan antarabangsa. Sebahagian calon melukis graf yang tidak tepat, seperti graf bar kompaun atau histogram. Kesalahan lain yang ketara ialah label yang tidak lengkap atau salah, skala yang tidak konsisten, paksi tidak dimulakan dengan nilai sifar, serta label kategori yang diringkaskan.

BAHAGIAN C: Soalan Esei

Soalan 7

Soalan ini berbentuk esei yang memerlukan calon membincangkan faedah Dasar Sukan Negara kepada pembangunan masyarakat. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Memajukan industri
- Melahirkan rakyat yang sihat
- Meningkatkan pendapatan
- Menyediakan kemudahan sukan
- Mewujudkan perpaduan kaum
- Wujud semangat kerjasama
- Membentuk masyarakat yang berdisiplin
- Membentuk budaya bersukan

- Menggalakkan masyarakat mencapai kecemerlangan sukan
- Melahirkan bakat baharu dalam bidang sukan
- Mengukuhkan semangat patriotik
- Meningkatkan pengetahuan masyarakat
- Pengurusan sukan yang sistematik
- Meningkatkan semangat kesukarelawanan

Calon umumnya memahami kehendak soalan dan berjaya mengemukakan idea yang tepat, seperti mewujudkan peluang pekerjaan, memupuk perpaduan kaum, dan melahirkan bakat baharu dalam sukan. Ada juga calon yang memperoleh markah sipi dengan jawapan, seperti meningkatkan kesihatan, mendapat pendapatan sampingan, dan mencari pelapis.

Namun demikian, terdapat calon yang mengemukakan jawapan berbentuk kepentingan kepada negara, seperti “meningkatkan imej negara” dan “meningkatkan ekonomi negara”. Ada juga calon yang memberikan jawapan tidak relevan, seperti “dapat beriadah” atau “menjadi wakil dalam acara sukan”. Kelemahan lain ialah calon gagal menghuraikan jawapan dengan baik serta masih mengulangi kesilapan dalam struktur ayat dan ejaan.

Soalan 8

Soalan ini berbentuk esei yang memerlukan calon membincangkan faedah penciptaan peralatan komunikasi pintar dalam memudahkan kehidupan manusia serta kemudaran yang boleh timbul daripadanya. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Memudahkan kehidupan manusia

- Mudah mendapat maklumat
- Memudahkan komunikasi/perhubungan
- Memudahkan urusan/kerja seharian
- Menjana pendapatan
- Menyediakan peluang pekerjaan
- Meningkatkan kreativiti
- Menguruskan kewangan
- Pengurusan masa
- Memantau keselamatan
- Memudahkan pembelajaran
- Memantau kesihatan

Kemudaran

- Penyebaran fitnah
- Ancaman keselamatan
- Menjejaskan interaksi sosial
- Gangguan kesihatan
- Ketagihan

- Mencemarkan alam sekitar
- Penyebaran maklumat palsu

Soalan ini merupakan soalan yang paling banyak dijawab oleh calon. Kebanyakan calon berjaya mengenal pasti kehendak soalan dengan tepat. Idea yang sering dikemukakan termasuklah memudahkan komunikasi, memudahkan urusan seharian, menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan kreativiti.

Walau bagaimanapun, terdapat calon yang menggantikan istilah “kemudahan” dengan perkataan, seperti “keburukan” atau “kesan buruk”. Ada juga calon yang memberikan jawapan berbentuk kepentingan negara, seperti “mengancam keselamatan negara”. Sebahagian calon pula mengemukakan idea yang salah, seperti “buli siber”, “jenayah siber”, dan “menjejaskan pembelajaran”. Terdapat juga calon yang menjadikan contoh sebagai idea, misalnya “memudahkan urus niaga”.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 41,475 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 72.73% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	14.60	4.70	8.95	6.76	14.98	7.81	14.93	6.29	8.03	4.09	8.86

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	6	B	11	D
2	C	7	A	12	A
3	B	8	B	13	C
4	C	9	D	14	D
5	A	10	A	15	B

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini untuk Bahagian A berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh calon, soalan aneka pilihan yang dikemukakan mempunyai aras kesukaran pada tahap sederhana, iaitu pada julat 0.3 hingga 0.7. Hal ini dibuktikan apabila sebanyak 30% hingga 70% calon berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

BAHAGIAN B DAN C: Alih Bentuk Komunikasi dan Esei

Komen am

Secara keseluruhan, prestasi calon bagi soalan 16 hingga 20 menunjukkan kecenderungan yang agak positif walaupun masih terdapat kelemahan ketara yang perlu diberi perhatian. Bagi soalan alih bentuk komunikasi, sebahagian besar calon mampu mengemukakan analisis data dengan baik, namun masih wujud kesilapan dari aspek pemindahan data, penggunaan unit, serta pengiraan nilai peratus yang lengkap. Kesilapan ini berpunca daripada kegagalan calon membezakan pola perubahan dengan pola perbandingan serta kecenderungan mereka memberikan huraian yang terlalu umum.

Bagi soalan esei, prestasi calon lebih memberangsangkan kerana majoriti calon berjaya mengemukakan sekurang-kurangnya satu hingga dua idea jitu yang menepati kehendak skema. Namun begitu, terdapat sebahagian calon yang terpesong daripada isu fokus soalan sama ada dengan mengemukakan jawapan berbentuk terlalu umum atau idea yang tidak relevan. Hal ini dapat dilihat dalam soalan yang berkaitan dengan sumbangan Malaysia pada peringkat antarabangsa serta langkah mengekang penyakit berjangkit. Calon cenderung memberikan jawapan umum yang tidak dikaitkan dengan konteks sebenar.

Dari aspek bahasa, mutu jawapan calon didapati lebih baik berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Struktur ayat yang lebih jelas dan teratur membantu calon memperoleh markah bahasa yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pembinaan ayat ilmiah, penggunaan istilah yang tepat, serta penulisan penutup yang kurang mantap. Kesalahan tatabahasa dan ayat yang tidak gramatis juga masih berlaku dalam kalangan calon.

Secara tuntasnya, walaupun prestasi calon menunjukkan peningkatan, aspek ketelitian terhadap data, pemilihan idea yang relevan dengan kehendak soalan, serta pembinaan kesimpulan yang lebih ilmiah masih perlu dipertingkatkan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi

Soalan 16

Calon dikehendaki menghuraikan bilangan kenderaan berdaftar di Malaysia dan di negara terpilih dari tahun 2018 hingga tahun 2020 dan kesan peningkatan bilangan kenderaan di negara kita. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Bilangan kenderaan berdaftar

Pola perubahan

- Jumlah keseluruhan tidak konsisten
- Meningkat – Malaysia dan Thailand
- Tidak konsisten – Indonesia dan Filipina

Pola bandingan

- Tertinggi (2018 – 2020): Indonesia
- Terendah (2018 – 2020): Filipina

Kesan peningkatan bilangan kenderaan

- Permintaan terhadap bahan api/petrol/diesel/tenaga elektrik meningkat
- Kesesakan lalu lintas
- Peningkatan kes kemalangan
- Pencemaran udara
- Pulau haba bandar
- Peningkatan pelaburan/perbelanjaan kerajaan
- Peningkatan pendapatan/ekonomi negara
- Meluaskan peluang pekerjaan
- Memudahkan pergerakan/mobiliti
- Perkembangan sektor automotif negara

Secara keseluruhannya, calon dapat memahami kehendak soalan kerana terdapat kata kunci yang jelas. Majoriti calon berjaya memberikan jawapan tepat bagi pola perubahan dan pola bandingan dengan menyatakan data yang relevan serta menggunakan istilah pola yang betul, seperti “meningkat daripada” atau “meningkat kepada”. Analisis data yang disertakan dengan huraian lengkap menunjukkan calon mampu mengaitkan maklumat dengan pengetahuan sedia ada. Dari segi kesan pula, kebanyakan calon memberikan jawapan yang menepati kehendak soalan, khususnya kesan negatif, seperti pencemaran udara, kesesakan lalu lintas dan kemalangan jalan raya.

Namun begitu, masih terdapat kelemahan yang ketara dalam jawapan calon. Sebahagian calon gagal memindahkan data dengan lengkap kerana hanya menulis nilai mutlak tanpa peratus atau unit. Ada juga calon yang membundarkan angka perpuluhan, sekali gus menjejaskan ketepatan data. Dari aspek pola perubahan, calon menulis idea yang tidak lengkap dengan hanya menyebut sebuah negara tanpa perbandingan dengan negara lain. Bagi pola bandingan pula, terdapat calon yang hanya menyatakan negara tertinggi tetapi mengabaikan data terendah, menyebabkan huraian dianggap tidak tepat. Dalam bahagian kesan, segelintir calon memberikan jawapan yang terlalu umum, seperti “pencemaran alam sekitar” dan bukan jawapan khusus seperti “pencemaran udara akibat asap kenderaan”. Akhir sekali, bahagian kesimpulan masih lemah kerana calon hanya menulis penutup umum tanpa mengaitkannya dengan isu, menyebabkan markah maksimum tidak dapat dicapai.

Soalan 17

Calon dikehendaki membuat analisis terhadap jumlah import produk perikanan oleh Malaysia dan negara ASEAN terpilih dari tahun 2018 hingga tahun 2020 dan faktor Malaysia masih bergantung kepada import produk perikanan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Jumlah import produk perikanan

- Jumlah keseluruhan import dari tahun 2018 hingga tahun 2020 tidak konsisten
- Jumlah import meningkat dari tahun 2018 hingga tahun 2020 di Myanmar dan di Vietnam
- Jumlah import menurun dari tahun 2018 hingga tahun 2020 di Indonesia dan di Singapura
- Jumlah import tidak konsisten dari tahun 2018 hingga tahun 2020 di Filipina dan di Malaysia
- Jumlah keseluruhan import tertinggi ialah Vietnam dan terendah Myanmar
- Jumlah import paling tinggi dari tahun 2018 hingga tahun 2020 ialah Vietnam dan terendah Myanmar

Faktor Malaysia masih bergantung kepada import produk perikanan

- Bekalan/pengeluaran perikanan negara tidak mencukupi
- Kurang penggunaan teknologi moden
- Kurang kemahiran/kepakaran
- Kekurangan sumber
- Permintaan yang tinggi
- Kos pengeluaran tinggi
- Memenuhi keperluan/cita rasa penduduk
- Memenuhi keperluan industri

Hanya sebilangan kecil calon yang benar-benar memahami kehendak soalan ini dan mampu mengemukakan jawapan yang menepati skema, khususnya bagi idea pola perubahan, bandingan, dan

faktor terpilih. Calon yang berjaya biasanya dapat mengemukakan huraian lengkap berserta dengan data mentah dan data proses, contohnya dengan menyatakan jumlah import berserta dengan unit. Walaupun tidak ramai calon yang memilih soalan ini, terdapat calon yang memperoleh markah agak baik, iaitu sekitar 8 hingga 11 markah kerana berjaya memberikan jawapan tepat bagi beberapa pola perubahan dan faktor permintaan.

Namun begitu, kelemahan calon jauh lebih ketara. Kesilapan kerap berlaku kerana calon tidak menulis unit dengan betul, sama ada bagi nilai mutlak atau peratus, serta tidak memberikan ketepatan dua titik perpuluhan. Ada calon yang terus menghuraikan data tanpa mengemukakan idea utama sehingga menjadikan jawapan mereka kabur. Dari aspek faktor, ramai calon tidak dapat menyenaraikan sekurang-kurangnya dua sebab utama Malaysia masih bergantung kepada import produk perikanan, malah ada yang memberikan jawapan tidak relevan atau terpesong daripada isu sebenar.

Tambahan pula, kelemahan ketara ialah pada bahagian kesimpulan. Majoriti calon hanya sekadar menulis penutup umum tanpa memberikan ciri-ciri penutup yang lebih ilmiah dan berkaitan dengan isu. Hal ini menunjukkan calon masih lemah dalam membina penutup yang mantap yang dapat menghubungkan analisis data dengan faktor yang dikemukakan.

BAHAGIAN C: Soalan Esei

Soalan 18

Soalan ini berbentuk esei yang memerlukan calon menjelaskan sumbangan Malaysia pada peringkat antarabangsa yang menunjukkan komitmen Malaysia terhadap kesejahteraan dan keamanan masyarakat antarabangsa. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Menghulurkan bantuan kemanusiaan
- Menyertai misi pengaman/misi pemerhati
- Menjadi orang tengah bagi penyelesaian konflik
- Mengadakan/menyertai program kebudayaan
- Perkongsian pengetahuan/pengalaman/penyelidikan
- Penglibatan/penyertaan/penganjuran forum/dialog antarabangsa
- Tindakan mitigasi menangani perubahan iklim
- Memeterai/menandatangani perjanjian antarabangsa/serantau/negara-negara lain
- Mengutarakan/mengetengahkan Gerakan Kesederhanaan Global
- Menyelesaikan konflik secara rundingan
- Memperkasa penguatkuasaan undang-undang
- Meningkatkan kerjasama antarabangsa/serantau
- Memperjuangkan hak asasi manusia
- Mengecam keganasan/peperangan/pencerobohan/penindasan
- Menentang ujian senjata nuklear

Soalan ini bersifat mesra calon kerana pernyataannya jelas dan memberi ruang luas untuk calon memilih idea yang sesuai. Ramai calon memilih untuk menjawab soalan ini, walaupun bukan merupakan pilihan majoriti. Kebanyakan calon dapat menyatakan serta menghuraikan idea dengan baik, walaupun dalam bentuk ringkas, berdasarkan sumbangan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Antara idea yang sering dipilih oleh calon ialah bantuan kemanusiaan, misi pengaman, orang tengah konflik, menyelesaikan konflik secara rundingan, memperkasa undang-undang, meningkatkan kerjasama serantau, memperjuangkan hak asasi manusia, dan menentang ujian nuklear. Struktur ayat yang kemas, ringkas, dan teratur juga membantu calon memperoleh markah bahasa yang agak tinggi.

Namun begitu, kelemahan masih wujud dalam kalangan segelintir calon. Ada yang gagal memahami kehendak sebenar soalan lalu menulis tentang bentuk kerjasama Malaysia pada peringkat antarabangsa, bukannya menekankan aspek sumbangan sebagai komitmen negara. Misalnya, terdapat calon yang menyebut ZOPFAN, SEANWFZ, atau Majlis Keselamatan PBB sebagai idea utama, sedangkan hal ini lebih kepada kerjasama, bukan sumbangan Malaysia secara langsung. Selain itu, ada calon yang menulis huraian sebagai idea tanpa menyatakan isi secara jelas, menyebabkan jawapan tidak tersusun. Isu semasa seperti Palestin juga disentuh oleh calon, namun ada yang terpesong apabila menyatakan secara umum bahawa Malaysia menghantar tentera untuk berperang, sedangkan sebenarnya Malaysia lebih kepada kecaman, bantuan kemanusiaan dan diplomasi. Dari sudut bahasa, kelemahan dalam struktur ayat yang tidak kemas juga menyebabkan calon hanya memperoleh markah bahasa pada tahap minimum.

Soalan 19

Soalan ini berbentuk esei yang memerlukan calon menjelaskan langkah Malaysia untuk menjaga kesihatan masyarakat tempatan daripada penyakit berjangkit dan berbahaya dari luar negara. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- Vaksinasi/imunisasi
- Saringan kesihatan di pintu masuk negara
- Pemantauan berterusan
- Kerjasama antarabangsa/serantau/negara-negara lain
- Meningkatkan kesedaran/kempen kesedaran yang berkaitan dengan penyakit berjangkit
- Menambah baik infrastruktur kesihatan
- Menguatkuasakan kuarantin
- Penguatkuasaan undang-undang
- Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam mengawal penyakit berjangkit

Majoriti calon berjaya memahami kehendak soalan kerana pernyataannya jelas dan berkait rapat dengan isu semasa, iaitu penularan penyakit berjangkit dari luar negara. Soalan ini dianggap mesra calon kerana ruang lingkup jawapan luas dan dekat dengan pengalaman calon, terutama selepas pandemik. Kebanyakan calon mampu mengemukakan idea tepat, seperti vaksinasi, saringan di pintu masuk negara, kempen kesedaran, menambah baik infrastruktur kesihatan, kuarantin serta penguatkuasaan undang-undang.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam jawapan segelintir calon. Antaranya, isu fokus “penyakit berjangkit dan berbahaya dari luar negara” tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana perenggan. Ada juga calon yang mengemukakan idea kurang jitu, seperti “pemeriksaan kesihatan” tanpa merujuk pintu masuk negara, menjadikan jawapan tidak relevan. Begitu juga dengan penggunaan idea “teknologi moden” yang tidak dikaitkan dengan penambahbaikan infrastruktur kesihatan, menyebabkan jawapan dianggap terpesong. Struktur ayat yang kurang kemas dan tidak jelas turut menyumbang markah bahasa yang rendah, walaupun isi sudah tepat.

Soalan 20

Soalan ini berbentuk esei yang memerlukan calon membincangkan kesan Perubahan iklim global kepada Malaysia dan berperanan aktif kerajaan untuk menangani perubahan iklim tersebut. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

Kesan perubahan iklim global terhadap Malaysia

- Perubahan cuaca
- Banjir/hujan lebat berterusan
- Peningkatan suhu melampau/kemarau
- Pencemaran udara
- Peningkatan aras laut
- Masalah kesihatan
- Sektor pertanian terjejas
- Kepupusan flora/fauna

Peranan Malaysia untuk menangani perubahan iklim

- Menandatangani perjanjian antarabangsa
- Melaksanakan pembangunan mampan/lestari
- Meningkatkan penggunaan teknologi mesra alam/teknologi hijau
- Meningkatkan kesedaran/kempen kesedaran alam sekitar
- Menguatkuasakan/memperkasakan undang-undang
- Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan
- Meningkatkan kerjasama antarabangsa/serantau/negara-negara lain
- Melaksanakan pemuliharaan/pemeliharaan hutan/alam sekitar
- Menggalakkan kitar semula

Secara keseluruhannya, calon faham dengan jelas isu perubahan iklim global kerana pernyataan soalan menyebut secara tersurat dua kata kunci utama, iaitu *kesan* dan *peranan Malaysia*. Majoriti calon berjaya mengemukakan idea jitu, seperti banjir, suhu melampau, peningkatan aras laut, masalah kesihatan, serta peranan Malaysia, seperti penguatkuasaan undang-undang, penggunaan teknologi hijau, penyelidikan dan pembangunan serta kerjasama antarabangsa. Calon yang mengemukakan huraian lengkap serta menggunakan istilah yang tepat berupaya memperoleh markah tinggi. Selain itu, bahasa yang tersusun dan minimum kesalahan struktur ayat yang turut melayakkan calon mendapat markah bahasa yang lebih baik.

Namun begitu, masih terdapat kelemahan yang ketara. Sebahagian calon tidak benar-benar memahami konsep “perubahan iklim global” kerana mereka menulis kesan, seperti banjir dan kemarau sebagai “bencana alam” semata-mata, tanpa mengaitkannya dengan fenomena iklim. Akibatnya, jawapan tidak menepati skema dan markah penuh tidak dapat diperoleh. Ada juga calon yang hanya menyatakan idea tanpa huraian, contohnya menyebut “peningkatan aras laut” tanpa menerangkan punca seperti pencairan glasier, menyebabkan huraian tidak mendapat markah. Selain itu, ada yang mengemukakan huraian sebagai idea baharu yang tidak relevan dengan isu, sekali gus menjejaskan markah isi. Faktor kesalahan bahasa, struktur ayat yang lemah, dan penggunaan istilah yang kurang tepat juga menyebabkan markah rendah bagi segelintir calon.

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)